

thinkCITY**THINK CITY**

- ▶ George Town Conservation and Development Corporation (GTCDC), Think City dan Aga Khan Trust for Culture meraikan penyiapan tembok laut yang baharu dan persiaran awam di sepanjang Esplanade yang bersejarah. Esplanade merupakan sebuah persiaran tepi laut di tengah-tengah Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town
- ▶ **Think City, anak syarikat milik penuh Khazanah, terlibat dalam membangun dan melaksanakan penyelesaian inovatif yang menjadikan bandar lebih mesra rakyat, boleh didiami, berdaya tahan dan mampan. Ditubuhkan pada tahun 2009 bagi tujuan penjanaan semula bandar George Town di Pulau Pinang, Think City kini terdapat di bandar-bandar seluruh negara, melaksanakan projek berimpak yang mencipta lebih banyak lagi ruang bandar dinamik dengan menumpukan kepada empat bidang utama: Pewujudan Tempat, Daya Tahan, Strategi & Analitik dan Pembangunan Ekonomi berdasarkan Budaya.**

Di bawah naungan Kementerian Kewangan, Think City melancarkan Rangkaian Arkeopelancongan Wilayah Utara pada tahun 2022 di seluruh Perak, Kedah, Pulau Pinang dan Perlis. Program ini bertujuan memanfaatkan tarikan semula jadi, budaya dan arkeologi yang unik di rantau ini bagi merangsang pelancongan berdasarkan budaya, mewujudkan peluang pekerjaan dan memacu daya tahan ekonomi yang lebih besar. Sejumlah RM10 juta diperuntukkan

bagi fasa pertama, dengan 56 projek, perkongsian dan inisiatif pengurusan diluluskan, mewujudkan pelaburan bersama bernilai RM6.7 juta.

Dengan kerjasama UN-Habitat dan pelbagai rakan kongsi tempatan dan antarabangsa, Think City memperoleh AS\$10 juta daripada Dana Adaptasi (*Adaptation Fund*) untuk melaksanakan Program Adaptasi Iklim Berasaskan Alam Sekitar Pulau Pinang (PNBCAP), pendekatan komprehensif untuk menangani kesan perubahan iklim terhadap alam sekitar dan sosial di Pulau Pinang. Program ini kemudiannya disiarkan ketika Sidang Kemuncak C40 Cities, di mana BBC StoryWorks terlibat untuk menghasilkan episod '*Cooling Down Penang*' bagi pihak Think City.

Think City juga bekerjasama dengan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan EIT Climate-KIC bagi membangunkan Atlas of Climate Resilient Trees (ACResT), platform dalam talian dan kerjasama terbuka yang memudah cara penemuan dan dokumentasi spesies pokok berdaya tahan iklim, membantu perancang bandar dan landskap menanam pokok dalam persekitaran bandar Pulau Pinang. Sementara itu, Think City turut menyiapkan tembok laut dan persiaran awam di sepanjang Esplanade George Town, satu inisiatif yang seiring dengan hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan MBPP untuk meremaja semula kawasan bernilai sejarah.

Selain itu, Think City bekerjasama dengan Majlis Bandaraya Johor Bahru untuk mempertingkatkan fungsi dan pemuliharaan warisan budaya Coronation Avenue, salah satu jalanan yang paling bersejarah dan kaya dengan budaya di bandar tersebut, dan turut mengadakan usahasama dengan PNB Merdeka Ventures untuk melaksanakan pelbagai projek di kawasan Merdeka 118 yang bakal membangun di Kuala Lumpur.



Untuk maklumat lanjut tentang Think City,
sila layari www.thinkcity.com.my